

26/08/1997

ASW 2020 bayar dividen 10 peratus (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Pemegang unit Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) akan menerima dividen sulung mereka sebanyak 10.1 peratus, yang dikreditkan terus ke dalam akaun mereka.

Mereka boleh mengemaskinikan buku pelaburan masing-masing mulai 2 September ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mengumumkan perkara itu berharap pemegang unit akan terus mengekalkan dividen yang diperolehi dalam ASW 2020 dan menambahkan pelaburan kerana skim itu adalah tabungan jangka panjang yang stabil dan menguntungkan.

Perdana Menteri selaku Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputera (YPB) mengumumkan demikian dalam kenyataan yang dibacakan oleh Pengerusi Permodalan Nasional Bhd (PNB), Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, di sini hari ini.

Dividen pertama ASW 2020 itu bagaimanapun agak rendah berbanding dividen sulung Amanah Saham Nasional (ASN) sebanyak 20 peratus pada 1981 dan 12.5 peratus dividen Amanah Saham Bumiputera (ASB) pada 1990.

Begitu pun, berbanding unit saham amanah lain di pasaran, kadar dividen sekitar 10 peratus disifatkan oleh penganalisis sebagai menggalakkan. Mayban Unit Trust Fund misalnya memberi 9.0 peratus dividen pada tahun pertama beroperasi, RHB Mudharabah Fund (7.0 peratus) dan MBF First Fund (6.5 peratus).

ASW 2020, saham amanah untuk pelbagai kaum yang pertama diperkenalkan oleh PNB, adalah tabung pelaburan tertutup dengan mempunyai dana bernilai RM3 bilion. PNB memperuntukkan 51 peratus atau RM1.53 bilion daripada jumlah itu kepada Bumiputera dan 49 peratus atau RM1.47 bilion kepada bukan Bumiputera.

Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB), selaku pengurus saham amanah yang dilancarkan pada 28 Ogos tahun lalu itu, memperuntukkan RM160.59 juta sebagai dividen yang dikecualikan daripada cukai bagi pelaburan sepanjang tempoh 2 September tahun lalu hingga 31 Ogos ini.

Sehingga Jumaat lalu, 333,491 pemegang unit Bumiputera ASW 2020 melabur RM333.955 juta manakala bukan Bumiputera berjumlah 480,834 dengan pelaburan sebanyak RM1.247 bilion.

Dr Mahathir berkata, baki RM1.196 bilion daripada jumlah pelaburan yang masih belum dibeli bagi peruntukan Bumiputera berbanding RM222.834 bilion bagi baki untuk bukan Bumiputera.

Beliau berharap mereka yang layak akan membeli unit ASW 2020 ini untuk turut serta menikmati hasil daripada kemakmuran ekonomi negara.

Bagi pemegang unit yang sudah dan hampir mencapai tahap maksimum dalam akaun ASW 2020, ASNB akan membayar dividen dalam bentuk cek.

Cek akan mula dihantar pada minggu kedua September ini.

Memberitahu sidang akhbar kemudiannya, Ahmad Sarji menyifatkan kadar dividen itu amat menggalakkan memandangkan keadaan pasaran agak lembab sekarang, malah lebih tinggi daripada kadar faedah tabungan.

Daripada 6.5 juta jumlah penduduk Malaysia yang berumur antara 12 hingga 29 tahun serta layak melabur dalam ASW 2020, hanya 12.48 peratus ataupun 814,325 sahaja yang melabur.

Lima negeri berada di bawah tahap 12.48 peratus atau kadar purata peratusan pelabur iaitu Terengganu hanya 4.97 peratus, Kelantan (6.92 peratus), Sabah (9.49 peratus), Johor (9.50 peratus) dan Sarawak (10.33 peratus).

Ahmad Sarji berkata, kakitangan PNB akan berusaha terus menggandakan usaha dan mengadakan kempen bagi menggalakkan pelaburan dalam ASW 2020.

Ditanya mengenai punca mengapa masih banyak baki dana amanah saham itu belum dibeli terutama oleh pelabur Bumiputera, beliau berkata, ia kemungkinan disebabkan wujudnya amanah saham seperti ASN dan ASB selain sikap "tunggu dan lihat" hasil dividen ASW 2020 yang diumumkan hari ini.

(END)